



10 NOV, 2022

Dianggarkan 700 stesen pengecas EV telah disediakan

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Dianggarkan 700 stesen pengecas EV telah disediakan

KUALA LUMPUR - Sasaran kerajaan untuk mewujudkan sehingga 10,000 stesen pengecasan awam bagi kenderaan elektrik (EV) di Malaysia menjelang 2025 di bawah Pelan Pembangunan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030 berada di landasan yang betul, dengan kira-kira 700 stesen telah disediakan di seluruh negara setakat ini.

Pengarah Pembangunan Perindustrian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Muhammad Zuhilmi Ahmad berkata, stesen itu dapat disediakan menerusi kerjasama dengan pihak swasta.

“Ada syarikat tertentu terutama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang sanggup memperjuangkan (usaha hijau ini).

“Kami berharap sasaran ini dapat dicapai untuk menyokong pembangunan industri EV tempatan,” katanya pada Siri 2 Invest Malaysia bertajuk ‘The Road to EV’ di sini, pada Rabu.

Beliau berkata, kerajaan telah menyediakan insentif cukai, status perintis serta bantuan kewangan untuk syarikat yang berminat membangunkan infrastruktur EV di negara ini.

Firma utama utiliti Tenaga Nasional Bhd menjangkakan pasaran EV berkembang kepada 18,000 terminal pengecasan untuk 524,409 kenderaan elektrik bateri di jalan raya menjelang 2030, de-

**ZULHILMI**

ngan hasil elektrik tahunan berjumlah RM1.25 bilion.

Ini bersamaan dengan jangkauan 4.4 juta tan pengurangan pelepasan CO₂, dengan mengambil kira bilangan enjin pembakaran dalaman yang setara yang tiada di jalan.

Sementara itu, semasa menyampaikan ucapan alu-aluan, Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Abdul Wahid Omar berkata, industri EV adalah bidang pertumbuhan yang menarik untuk Malaysia,

menawarkan potensi besar bagi mencipta manfaat ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Beliau berkata, Pasaran Karbon Sukarela (VCM) Bursa Malaysia, yang akan dilancarkan menjelang akhir 2022 melalui lelongan, akan melaksanakan peranan penting dalam menyokong industri yang boleh menjana kemajuan ekonomi dan perubahan alam sekitar.

“Saya amat menggesa korporat untuk menjadi antara peserta awal lelongan itu, untuk menunjukkan kepimpinan mereka dalam tindakan iklim.

“Ekosistem yang baik adalah penting dengan kerajaan dan pemaju projek lain, institusi kewangan mempunyai peranan yang besar di sini. Pelaburan dalam projek yang betul adalah kunci untuk memacu bekalan kredit karbon yang mampan dan menjadikannya boleh diakses secara meluas,” katanya. - *Bernama*